

05/12/1999

Melayu tidak peduli Islam dipolitikkan

Syed Akbar Ali

RUPA-RUPANYA ramai di kalangan masyarakat Melayu tidak peduli bahawa agama Allah sudah dipolitikkan, diperkudakan dan dipesongkan oleh Pas. Mereka faham Pas menggunakan Islam untuk menipu manusia kerana politik. Sepatutnya inilah yang kita perlu tentang.

Riwayat penipu sudah disebut oleh Allah dalam al-Quran. "Begitulah kami mengadakan bagi tiap-tiap Nabi suatu musuh, syaitan daripada manusia dan jin, yang mewahyukan ucapan palsu yang indah-indah kepada satu sama lain, untuk menipu; dan sekiranya Pemelihara kamu menghendaki, tentu mereka tidak membuatnya. Maka tinggalkanlah mereka dan apa yang mereka mengadakan" (Surah 6:12).

Misalnya, lidah rasmi Pas, Harakah minggu lalu membawa tajuk utama berserta dengan gambar di muka depannya yang menjeritkan bahawa Menara Kuala Lumpur sudah retak. Penipuan seperti ini sahkan intelek Pas yang sebenarnya, tetapi yang lebih mengkhawatirkan kita ialah masih ada ramai orang Melayu termasuk juga mereka yang kononnya terpelajar yang sudi menerima penipuan ini tanpa soal selidik atau bantahan. Racun Pas rela ditelan dengan botolnya sekali. Pakar psikoloji kita yang belum terpukau oleh Anwar Ibrahim atau Harakah perlu mengkaji apakah yang mendorongkan manusia membelakangkan akal dan rela menerima bisikan syaitan sebagai kebenaran.

Maha Suci Allah memerintahkan supaya tinggalkan mereka tetapi nampaknya ramai yang bukan saja ikut tetapi mengangkat mereka sebagai pemimpin besar dan percaya yang mereka ini merentang jalan ke syurga.

Orang yang tidak mahu menggunakan akal perlu bersedia menghadapi janji Tuhan yang berikut:

"Tiadalah bagi sesuatu jiwa untuk mempercayai, melainkan dengan izin Allah, dan Dia meletakkan kotoran ke atas orang yang tidak memahami" (Surah 10: 100).

Mengapakah kita membenarkan masyarakat kita ditimpa bencana ini? Masyarakat Cina pula sebaliknya menolak Lim Kit Siang, Dr Chen Man Hin dan Karpal Singh walaupun pemimpin ini menduduki takhta jaguh di kalangan mereka. Ini kerana mereka tidak terpedaya dengan helah politik Kit Siang dan Karpal yang kononnya memperjuangkan Anwar. Masyarakat Cina berani singkirkan pemimpin ini apabila didapati mereka tergamak membela banduan yang menyalahi undang-undang Malaysia.

Masyarakat Melayu pula sebaliknya sudi melantik Mohd Azmin Ali sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri. Walaupun nama sisuami ini terdengar dalam tuduhan rasuah yang disebut di mahkamah dan walaupun ahli keluarganya sendiri sudah mendedahkan kisah wang dan kekayaan yang membabitkan beratus ribu dan berjuta ringgit, tetapi semua ini tidak membawa sebarang kesan kepada sebilangan masyarakat Melayu.

Bagi mereka, lagi banyak pendedahan bermaksud lagi kuat sokongan mereka. Demikianlah kisah sedih sebilangan orang Melayu kita.

Begitu juga tidak ada sebab bagi rakyat Terengganu untuk memilih Pas melainkan mereka mengikut emosi mengenai kes Anwar Ibrahim dan mereka mudah tertelan dakyah Pas. Walaupun rakyat Terengganu sudah mencapai banyak kemajuan dan Terengganu berjaya menarik beribu juta ringgit pelaburan mereka sanggup menggadaikan pembangunan dan suasana tenang kerana mereka lebih suka percaya bahawa Menara Kuala Lumpur sudah retak dan akan tumbang.

Mereka juga yakin jika Azmin menjadi kaya-raya, maka itu adalah

konspirasi Mahathir dan jika Anwar Ibrahim menyalahi lagi banyak undang-undang negara maka itu pun konspirasi Mahathir juga. Demikianlah kisah sedih sebilangan orang Melayu kita.

Sebahagian pemimpin Barisan Nasional berkata mereka akan mulakan khidmat kepada rakyat mulai daripada sekarang untuk menangi semula kerusi-kerusi yang tertewas kepada Pas. Memang tugas wakil rakyat untuk terus berkhidmat kepada masyarakat dan memang ianya satu niat yang mulia tetapi malang sekali apabila orang Melayu sudah terpukau oleh ulama jampi air, ulama penipu dan penjenayah yang menyamar sebagai 'pejuang Islam' maka tiada khidmat atau jasa baik yang boleh menawan semula undi mereka.

Datuk Shahrizat Abdul Jalil misalnya adalah seorang wakil rakyat yang rela korbankan masa 24 jam untuk membantu rakyat di kawasan Lembah Pantai. Tiada kawasan setinggan, rumah pangsa, penjaja atau pekedai di Pantai Dalam yang tidak kenal Shahrizat. Walaupun begitu, Shahrizat nyaris-nyaris kalah pengundian kepada calon Keadilan yang bukan saja tiada pengalaman dalam politik tetapi dia tidak pernah menjejak kaki di kawasan setinggan Pantai Dalam.

Begitu juga Tan Chai Ho calon BN yang pernah diberi gelaran 'Wira Air'. Ketika Kuala Lumpur mengalami krisis air Chai Ho sanggup memecahkan paip bomba untuk menolong rakyat di kawasannya sehingga beliau diugut dengan tindakan saman mahkamah oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Beliau hampir tewas kepada Chandra Muzaffar wakil Keadilan di Bandar Tun Razak.

Keputusan yang lebih menyedihkan ialah nasib Datuk Mustapa Mohamed yang tewas di Jeli. Orang Pas sendiri mengaku, Mustapa banyak berjasa kepada penduduk Jeli dengan tidak mengira politik atau sokongan mereka. Begitu juga Datuk Abdul Hamid Othman, menteri yang menjaga Pusat Islam yang tewas kepada Datuk Shahrizan Ahmad, penulis Shit. Dalam perkiraan sebahagian pengundi Melayu, Shit dan p**i mak boleh mengatasi Pusat Islam.

Mengikut ajaran Allah dan Rasul-Nya,

"Apa saja yang baik menimpa kamu ia adalah daripada Allah, apa saja kejahatan yang menimpa kamu adalah daripada diri kamu sendiri..." (Surah 4: 79).

Jadi kita tidak boleh salahkan siapa pun melainkan diri kita sendiri jika masih ada ramai di kalangan rakyat kita yang tidak mengenali ajaran Quran dan lebih suka menidakkan akal dan fikiran waras.

Misalnya sebelum Datuk Harun Din melompat katak memasuki Pas, banyak pemimpin Umno sendiri pernah beratur dengan botol plastik di Darus Syifa menunggu ketibaan ulama jampi air itu. Dan Harun Din boleh menjadi berhala sembaham ramai orang Melayu sebab dia dianugerahkan tempat yang tinggi oleh Pusat Islam dan universiti tempatan dan kerap muncul di kaca TV sebagai pakar rujuk. Walaupun buku rawatan Harun Din menganjurkan penggunaan air hujan malam Jumaat dan kekarutan yang serupa itu, dia tetap diberi tempat sebagai profesor. Hanya apabila Harun Din melompat katak maka dia digam sebagai ulama jampi air.

Ramai ahli korporat dan kroni pernah berebut-rebut menjemput Harun Din mengikuti mereka pergi melakukan umrah. Mereka percaya kehadiran ulama jampi air itu akan lebih berkesan untuk kabulkan doa dan sempurnakan ibadat mereka. Tidak ada sesiapa pun ulama yang memberitahu mereka ini bahawa perbuatan seperti itu boleh membawa kepada syirik. Hanya bencana menunggu orang yang percayai kekarutan seperti ini. Mengikut ajaran Allah dan Rasul-Nya:

"Mereka mengambil ulama agama mereka dan rahib-rahib mereka sebagai pemelihara-pemelihara mereka selain daripada Allah, dan Al Masih putera Maryam, dan mereka diperintah untuk menyembah hanya Tuhan Yang Satu, tidak ada tuhan melainkan Dia, Dia disanjung di atas apa yang mereka menyekutukan" (Surah 9: 31).

Orang yang membelakangkan akal akan berpaut kepada ulama agama termasuk

ulama jampi air. Mereka akan memberi alasan ulama agama ini boleh merapatkan mereka dengan keredaan Allah. Kesilapan besar ini pernah dilakukan oleh kaum yang terdahulu:

"Tidakkah kepunyaan Allah agama yang tulus? Dan orang yang mengambil wali-wali (pelindung) selain daripada Dia (berkata) - "Kami hanya menyembah mereka supaya mereka mendekatkan kami dalam kedekatan dengan Allah." Sesungguhnya Allah akan menghakimkan di antara mereka mengenai apa yang padanya mereka memperselisihkan: sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada pendusta, yang berdegil dalam ketidakpercayaan," (39: 3).

Jadi semua jasa baik Umno dan BN tidak akan berhasil jika orang Melayu sudah kena pukau oleh ulama termasuk ulama jampi air. Apabila akal ditinggalkan, cuma jin dan jembalang boleh rasuk mereka. Tetapi jin dan jembalang tidak boleh jadi pilihan Umno lagi sebab sekarang Haron Din sudah hilang dari Umno. Syukur Alhamdulillah.

Yang sedih juga kita membenarkan lidah rasmi Pas Harakah terus diedarkan kepada umum walaupun ianya menyalahi undang-undang dan tidak mempunyai KDN seperti akhbar lain. Mengikut sebahagian pemerhati, masyarakat Melayu di kampung dan kawasan luar bandar di Kedah, Terengganu dan Kelantan tidak mendapat sebarang maklumat kecuali apa yang mereka membaca dalam Harakah. Sebahagian daripada mereka sekarang menunggu Menara Kuala Lumpur tumbang saa.

Sebaliknya dalam negara kita ini, satu terjemahan al-Quran ke dalam bahasa kita pernah diharamkan oleh ulama termasuk ulama jampi air atas sebab-sebab remeh yang hanya boleh terhasil dari kepala otak ulama. Saya merujuk kitab Bacaan iaitu satu terjemahan al-Quran oleh Othman Ali yang diharamkan atas sebab-sebab yang masih kabur. Maka inilah sebahagian daripada sejarah Melayu moden. Shit dan p**i mak dibenarkan, lidah rasmi ulama penipu boleh diedarkan, buku rawatan ulama jampi air diperbesarkan tetapi terjemahan Kitab Allah yang unggul oleh seorang anak watan boleh diharamkan. Syabas.

Kita bersyukur bahawa di negeri lain seperti di Johor, Pas dan hero yang tiba-tiba teringin untuk memperjuangkan keadilan tidak berapa laku saham mereka sebab orang Johor lebih membaca surat khabar dan terbuka ilmu dan pengetahuan mereka.

Seperti haiwan dubuk yang suka makan bangkai, Pas hanya boleh mengaut keuntungan daripada orang yang berada dalam keadaan yang daif, ia itu orang yang belum mengenali al-Quran dan orang yang tidak mahu menggunakan akal.

Tugas penting sekarang bagi Umno dan Barisan Nasional ialah bagaimanakah mereka boleh memulihkan otak ramai pengundi kita dalam masa lima tahun sebelum tibanya pilihan raya lagi. Jawapannya terletak dalam al-Quran, Kitab Allah yang sungguh mujarab untuk menghalau ulama penipu dan ulama jampi air serta ajaran syaitan yang menjadi amalan mereka.

(END)